

# Jun Hoong 'sakit hati' tuduhan ke atas Zhuliang

MINGGUAN MALAYSIA  
24/10/2017 p. 24

**KUALA LUMPUR 23 Dis.** - Juara dunia, Cheong Jun Hoong mengakui 'sakit hati' dengan cara pengakhiran kontrak dan tuduhan yang dilemparkan kepada ketua jurulatih skuad terjun negara, Yang Zhuliang, yang merupakan individu penting melahirkan juara dunia buat Malaysia.

Pemenang pingat perak Olimpik Rio itu juga menegaskan dia langsung tidak takut dengan persekitaran yang dikatakan 'tidak selamat' dalam kem skuad terjun negara sepanjang berada di bawah bimbingan Zhuliang.

Semalam, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin mendedahkan punca utama kontrak jurulatih dari China itu tidak disambung ekoran wujud persekitaran diselubungi ketakutan dalam kalangan atlet akibat kegagalan ketua jurulatih terjun negara itu mengawal keadaan.

"Ya...saya takut dengan dia (Zhuliang) dan jurulatih lain tetapi seperti pelajar yang takut kepada guru mereka, sejujurnya...saya sangat menghormati dia.

"Persekitaran itulah merupakan salah satu kaedah yang menyebabkan Malaysia berjaya melahirkan juara dunia dalam sukan terjun dan berada di tahap tertinggi ketika ini. Kerana dia dan kaedahnya, jika tidak, mungkin saya tidak mampu mencapai apa yang saya ada sekarang.

"Secara jujur saya 'sakit hati' dengan semua ini terutama dia tidak lagi menjadi jurulatih... dia dikenali di seluruh dunia dan saya percaya dia sebenarnya layak mendapat pengiktirafan... bukan ini (ditamatkan kontrak)," katanya kepada pemberita ketika menerima Anugerah Persahabatan dalam Anugerah Bola Sepak Kebangsaan 2017, di sini, semalam.

Kontrak Zhuliang, 53, yang bakal berakhir pada 31 Disember ini, pada mulanya dikatakan tidak disambung kontrak kerana keengganan mengaplikasikan sains sukan dalam latihannya, kata Pengerusi Institut Sukan Negara (ISN), Datuk Seri Abdul Azim Ahmad Zabidi.

Namun, timbul episod baharu yang nyata bertentangan dengan kenyataan Azim sebelum

## Khairy dedah punca

Oleh ZAZALI JAMIAN  
skian@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 DIS.

**K**ONTRAK Yang Zhuliang tidak disambung kerana wujud persekitaran yang diselubungi ketakutan dalam kalangan atlet akibat kegagalan ketua jurulatih terjun negara itu mengawal keadaan, kata Menteri Belia dan Sukan.

Khairy Jamaluddin berkata budaya dan persekitaran itu telah mengundang berlakunya kes rogol, gangguan seksual, keganasan dan perkara negatif lain dalam kem terjun negara.

Katanya, walaupun Zhuliang tidak terlibat dalam perkara-perkara tersebut, namun jurulatih dari China itu membenarkan perubahan menaibkan mereka tanpa kawalan, tanpa me-

Walaupun Zhuliang sendiri tidak terlibat dalam perkara-perkara tersebut, beliau telah membenarkannya merebak tanpa kawalan."

Khairy Jamaluddin  
Menteri Belia dan Sukan



kutan atau *culture and environment of fear* merentasi keseluruhan sukan terjun. "Inilah sebab utama saya milih untuk tidak menyambung kontrak beliau. Tanggungjawab saya sebagai Menteri Belia dan Sukan bukan sekadar membuat dasar bagi merencanakan sukan Malaysia peringkat tertinggi tetapi juga menjaga kebijakan atlet dan melindungi mereka sebarang ancaman. Tiada mana pingat emas yang lebih tinggi daripada keamatan atlet negara," katanya kenyataan akhbar hari ini.

Sementara itu, Khairy membentah bahawa pihak ASUM telah mengenalpastikan jurulatih dari Australia boleh membantu jurulatih ada, Zhang Yukun, yang menjalankan tugas sebagai

### KERATAN Utusan Malaysia semalam.



Secara jujur saya sakit hati dengan semua ini terutama dia tidak lagi menjadi jurulatih... dia dikenali di seluruh dunia dan saya percaya dia sebenarnya layak mendapat pengiktirafan..."

**CHEONG JUN HOONG**  
Penerjun

itu, apabila Khairy mendedahkan Zhuliang disingkirkan bukan kerana sistem latihan yang lapuk tetapi kerana kegagalan mengawal budaya dan persekitaran yang telah mengundang berlakunya kes rogol, gangguan seksual, keganasan, buli dan perkara negatif lain dalam kem terjun negara.

Jun Hoong bagaimanapun enggan mengatakan ya ataupun tidak mengenai wujudnya persekitaran dan kejadian keganasan di dalam kem latihan.

"Kaedah bimbingannya mungkin sukar untuk diterima oleh segelintir penerjun tetapi niatnya adalah untuk melatih kita menjadi juara dunia dan Olimpik.

"Saya tidak boleh bercakap banyak kerana saya seorang atlet. Saya juga tidak tahu tentang penerimaan penerjun lain...mungkin mereka takut? saya tidak berhak bercakap tentang perkara ini.

"Tetapi pada pandangan saya... dia adalah jurulatih yang sangat baik, sangat mementingkan disiplin dan apa yang dicapai oleh penerjun negara ketika ini adalah kerana dia," ujarnya yang sedikit sebak apabila diminta mengulas tentang Zhuliang.

Sepanjang Zhuliang menjadi ketua jurulatih, Jun Hoong memahat sejarah baharu dalam arena sukan terjun tanah air apabila muncul juara dunia pertama Malaysia selepas mendominasi acara 10 meter platform individu di Budapest, tahun ini yang turut menyaksikan dia meraih gangsa dalam acara 10 meter platform seirama bersama Pandelega Rinong.

Malaysia turut memenangi dua pingat di Olimpik iaitu gangsa menerusi Pandelega Rinong dalam 10m platform individu wanita di London pada tahun 2012 dan perak dalam acara 10 meter platform seirama bersama Jun Hoong di Rio de Janeiro tahun lepas.